



**MANIFESTASI MAQĀMĀT SUFI DALAM ANTOLOGI PUISI 'AYN,
KARYA AHMAD KAMAL ABDULLAH (KEMALA)**

**[MANIFESTATION OF SUFI MAQĀMĀT IN THE POETRY
ANTHOLOGY 'AYN BY AHMAD KAMAL ABDULLAH (KEMALA)]**

Aishah Isahak, Rosni Samah & Mohamad Yazid Abdul Majid

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Corresponding Author: aishah_isahak@usim.edu.my

Received: 19/6/2025

Accepted: 14/8/2025

Published: 31/8/2025

Abstrak

Perkembangan puisi Moden di Malaysia menyaksikan kemunculan aliran Sufi yang dimanifestasikan oleh penyair bagi menyampaikan pemikiran Sufi kepada pembaca. Namun, didapati bahawa kajian yang menganalisis karya penyair Malaysia dengan menggunakan kerangka atau teori Tasawuf masih terhad. Jika dilihat dalam perkembangan ilmu Sufi pula, Imam al-Ghazali menggariskan enam *maqāmāt* dari tujuh *'aqabāt* yang boleh digunakan sebagai kerangka untuk menilai dan mengkategorikan puisi Sufi. Justeru, kajian ini akan menganalisis manifestasi *maqāmāt* Sufi yang terdapat dalam antologi puisi 'Ayn, karya Kemala. Kajian ini bertujuan menganalisis aplikasi kerangka *maqāmāt* Sufi Imam al-Ghazali dalam memahami puisi Sufi moden Melayu, khususnya melalui antologi 'Ayn karya Kemala. Walaupun puisi Sufi moden kaya dengan simbolisme kerohanian, ia jarang dikategorikan secara eksplisit mengikut tahap-tahap spiritual tasawuf. Justeru, kerangka *maqāmāt* al-Ghazali yang terdiri daripada enam peringkat utama: *ma'rifah*, *taubat*, *zuhud*, *syukur*, *mahabbah*, dan *fana'* berfungsi sebagai kerangka analisis yang autentik dan sistematik untuk menyingkap dimensi rohani tersembunyi di sebalik teks pilihan. Dengan pendekatan kualitatif dan analisis kandungan, kajian ini mengenal pasti simbol-simbol utama seperti angin, taman, anak, pakaian, paras, dada, kekasih, mabuk, dan tokoh lalu mentafsirkannya melalui lensa tiga kategori *maqāmāt* iaitu penghayatan (kesedaran diri), penilaian (penyucian akhlak), dan pencapaian (penyatuan Ilahi). Dapatan kajian membuktikan bahawa puisi-puisi Kemala secara konsisten mencerminkan perjalanan spiritual seorang *salik* yang selari dengan kerangka al-Ghazali. Lebih penting lagi, kerangka ini bukan sekadar untuk klasifikasi, tetapi berfungsi sebagai panduan universal yang membolehkan pembaca dalam kalangan akademik mahupun awam memahami puisi Sufi dari perspektif kerohanian yang mendalam dan bermakna. Kajian ini juga menegaskan relevansi tradisi Sufi klasik dalam sastera

kontemporari, sekaligus membuktikan bahawa puisi Sufi moden bukan sekadar karya estetik, tetapi medium pendidikan rohani yang efektif untuk membimbing jiwa menuju penyucian dan pengenalan kepada Yang Maha Esa.

Kata kunci: *maqāmāt*, puisi Sufi, Kemala, simbol, sastera Melayu

Abstract

The development of modern poetry in Malaysia has witnessed the emergence of a Sufi movement manifested by poets to convey Sufi thought to readers. However, it was found that studies analyzing the works of Malaysian poets using a clear framework or theory of Tasawuf are still limited. In the context of Sufi scholarship, Imam al-Ghazali outlined six maqāmāt derived from seven ‘aqabāt, which can be used as a framework for evaluating and categorizing Sufi poetry. This study aims to analyze the application of Imam al-Ghazali’s Sufi maqāmāt framework in understanding modern Malay Sufi poetry, specifically through the anthology ‘Ayn by Kemala. Although modern Sufi poetry is rich in spiritual symbolism, it is rarely explicitly categorized according to the stages of Sufi spirituality. Therefore, al-Ghazali’s maqāmāt framework – comprising six key stages: ma’rifah, taubat, zuhud, syukur, mahabbah, and fana’ – functions as an authentic and systematic analytical tool to uncover the hidden spiritual dimensions within selected texts. Employing a qualitative approach with content analysis, this study identifies key symbols such as wind, garden, child, face, chest, beloved, drunk and figures, then interprets them through the lens of three maqāmāt categories: experience (self-awareness), evaluation (moral purification), and attainment (union with the Divine). Findings confirm that Kemala’s poems consistently reflect the spiritual journey of a salik (spiritual seeker) aligned with al-Ghazali’s framework. More importantly, this framework serves not merely for classification but as a universal guide enabling both academic and general readers to comprehend Sufi poetry from a profound and meaningful spiritual perspective. The study also affirms the enduring relevance of classical Sufi tradition within contemporary literature, demonstrating that modern Sufi poetry transcends aesthetic expression to serve as an effective medium of spiritual education, guiding the soul toward purification and recognition of the Almighty.

Keywords: *maqāmāt*, Sufi poetry, Kemala, symbolism, Malay literature

PENDAHULUAN

Dalam perkembangan sastera Melayu moden, puisi Sufi telah menjadi medium penting untuk menyampaikan ajaran dan penghayatan spiritual yang mendalam. Puisi-puisi ini tidak sekadar mengutamakan estetika bahasa, tetapi juga membawa pesanan kerohanian yang kompleks melalui penggunaan simbolisme dan metafora yang kaya dan pelbagai.

Antologi puisi ‘Ayn karya Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) merupakan salah satu contoh karya moden yang sarat dengan elemen Sufi, di mana penyair menggunakan imaginasi puitis untuk memanifestasikan perjalanan rohani seorang *salik*. Mengikuti Imam al-Ghazali (t.th.) bersama Ahmad al-Ghazali (1988), *salik* merupakan perjalanan spiritual yang berpusat pada pembersihan jiwa bagi mencapai peningkatan holistik, baik dari segi zahir mahupun batin. Menurut al-Jurjani (1983), *salik* merupakan orang yang berjalan merentasi *maqāmāt* menerusi pengalaman kerohanian. Menurut Sheikh Muhammad Nafis al-Banjari (t.th.) pula, *salik* ialah orang yang bersungguh-sungguh bermujahadah dalam beribadah.

Menurut Badrul Munir (2021), puisi-puisi Kemala mengandungi unsur Sufisme yang menzahirkan tujuan pencarian *salik* dalam pengembaraan rohani, serta merenung akan hakikat kehidupan hamba yang perlu berdamping dengan Penciptanya.

Nazri Yusoff (2023) merujuk *maqāmāt* sebagai tahap-tahap spiritual yang dilalui oleh seorang pencari Ilahi (*salik*) dalam usaha mendekati diri kepada Allah. Menurut *Lisān al-‘Arab* (Ibnu Manzūr, 2016), *maqāmāt* merujuk kepada bentuk *jamak* dari *maqām*, yang secara literal bermaksud pangkat, darjat, stesen, atau peringkat. Manakala menurut Ni’am (2020), *maqāmāt* adalah kedudukan seorang hamba di hadapan Allah, yang diperoleh melalui ibadah, mujāhadah (usaha) serta latihan rohani untuk membina hubungan yang berterusan dengan Allah. Ia juga bermaksud aktiviti dan usaha terbaik yang dilakukan oleh seorang sufi untuk meningkatkan kualiti rohani dan kedudukannya (*maqām*) di hadapan Allah s.w.t.

Imam al-Ghazali (2006) sebagai salah seorang tokoh utama dalam pemikiran Sufi, telah menggariskan tujuh *‘aqabāt* (tangga spiritual) yang menjadi asas bagi pemahaman tentang perjalanan kerohanian. Oleh itu, *maqāmāt* menurut Mas’ud Qasem (2023) bukan sekadar teori, tetapi merupakan landasan praktikal dalam proses penyucian jiwa dan pencapaian hakikat tauhid. Namun, dalam karya sastera moden seperti antologi puisi ‘Ayn, *maqāmāt* ini sering kali tidak dikategorikan secara eksplisit, menyebabkan pembaca mungkin terlepas daripada dimensi spiritual yang tersirat.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis *maqāmāt* Sufi yang terdapat dalam antologi ‘Ayn berdasarkan kerangka yang digariskan oleh Imam al-Ghazali. Kajian ini akan memfokuskan pada tiga kategori utama: penghayatan, penilaian, dan pencapaian, yang mencerminkan perjalanan spiritual dari kesedaran diri, hingga penilaian akhlak, dan akhirnya penyatuan dengan Ilahi. Melalui analisis kepelbagaian simbol yang digunakan oleh Kemala misalnya angin, taman, anak, gerigis, pakaian, pengembaraan, pagi, laut, paras, dada, kekasih, mabuk dan tokoh.

Oleh itu, kajian ini akan mengungkap makna mendalam yang terkandung dalam puisi-puisi tersebut. Hasil kajian diharapkan dapat memberi panduan kepada pembaca dan pengkritik sastera untuk memahami puisi Sufi dari perspektif yang lebih bermakna, serta menunjukkan relevansi tradisi Sufi dalam konteks sastera moden Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penyair Sufi di Malaysia banyak mengetengahkan puisi Sufi untuk tatapan masyarakat sebagai medium pendidikan kerohanian. Puisi Sufi yang dinukilkan oleh penyair bagi memanasikan ajaran dan penghayatan Sufi dapat diketahui daripada kepelbagaian simbol yang digunakan oleh penyair. Menurut Aishah et al. (2024a), antara simbol yang banyak digunakan ialah simbol alam bagi menyampaikan makna Sufi dalam karya puisi Melayu Moden.

Tambahan pula, Ali Majeed (2024) berpendapat bahawa *maqāmāt* Sufi yang terzhahir dalam puisi membuktikan bahawa karya tersebut berfungsi sebagai medium penghayatan dan penyebaran mesej kerohanian yang mendalam. Ia menunjukkan bagaimana puisi menjadi wahana untuk membimbing pembaca melalui tahap-tahap

penyucian jiwa, bagi mendekatkan diri dengan Penciptanya, sejajar dengan tujuan asal tasawuf itu sendiri.

Namun begitu, analisis puisi Sufi moden didapati tidak mengkategorikan *maqāmāt* secara eksplisit. Kerangka *maqāmāt* al-Ghazali bertindak sebagai kunci atau panduan untuk mengenal pasti dan menilai tahap-tahap kerohanian yang tersembunyi di sebalik simbol-simbol puitis. Teori sastera lain mungkin fokus pada estetika, struktur, atau psikologi, tetapi mungkin terlepas daripada menyampaikan makna pengalaman spiritual yang mendalam terhadap pembaca.

Bagi menjelaskan *maqāmāt* tersebut, kajian ini akan mengenal pasti dan membahagikan puisi mengikut tahap *maqāmāt* seperti penghayatan, penilaian dan pencapaian. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini memilih antologi puisi 'Ayn, karya Kemala kerana menurut Badrul Munir (2021), puisi-puisi Kemala merupakan hasil karya sufi yang mengandungi fikrah Sufi yang ketara. Maka, kajian ini ingin mengetahui sejauh mana kesufian yang ada dalam antologi mengikut *maqāmāt* yang digariskan oleh Imam al-Ghazali.

OBJEKTIF

- 1) Mengetahui tahap penghayatan *maqāmāt* dalam antologi 'Ayn.
- 2) Membincangkan tahap penilaian *maqāmāt* dalam antologi 'Ayn.
- 3) Menghuraikan tahap pencapaian *maqāmāt* dalam antologi 'Ayn.

KAJIAN LITERATUR

Imam al-Ghazali r.a. merupakan salah seorang tokoh utama dalam tradisi tasawuf Islam yang telah memberikan sumbangan besar melalui karya-karyanya yang agung dan hebat. Antara karya beliau yang terkenal ialah *Minhaj al-'Abidin*, yang membahaskan secara sistematik perjalanan rohani seorang *salik* menuju Penciptanya. Dalam karya tersebut, beliau memperkenalkan konsep Tujuh 'aqabāt (tangga kerohanian), iaitu stesen-stesen (*maqāmāt*) yang mesti dilalui oleh seorang hamba untuk mencapai penyucian jiwa dan pendekatan diri kepada Allah s.w.t.

Tujuh 'aqabāt ini ialah (1) 'Aqabah Ilmu, (2) 'Aqabah Taubat, (3) 'Aqabah Halangan, (4) 'Aqabah Penghalang Duniawi, (5) 'Aqabah Pemangkin, (6) 'Aqabah Penghalang Akhlak, dan diakhiri tahap tertinggi iaitu dengan 'Aqabah Pujian dan Kesyukuran (al-Ghazali, 2006). Menurut Dynta Nabila (2021), setiap 'aqabah mengandungi cabaran, ujian, serta transformasi batin yang mendalam, bermula dengan pemerolehan ilmu, taubat, mengatasi halangan dalaman dan duniawi, hingga mencapai tahap kebahagiaan.

Bertitik tolak daripada itu, konsep ini bukan sahaja relevan dalam teks-teks puisi klasik Sufi, tetapi juga menemui penghayatannya dalam sastera Melayu Moden. Terutamanya dalam puisi-puisi yang menyentuh tema kerohanian, pencarian makna hidup, dan pergolakan batin. Menurut Aishah et al. (2024b) dan (2024c), terdapat banyak puisi melayu Moden yang mengandungi tema Sufi yang utama seperti kerinduan terhadap kekasih, pengembaraan rohani dan cinta Ilahi.

Simbol merupakan medium utama yang digunakan oleh penyair untuk menyampaikan makna Sufi dalam puisi. Di samping itu, simbol berfungsi sebagai kunci untuk menyingkap *maqāmāt* yang tersembunyi di sebalik susunan puisi tersebut. Menurut Aishah et al. (2024a), puisi Sufi umumnya dipenuhi dengan pelbagai simbol yang bertujuan untuk menggambarkan makna yang mendalam dan sukar difahami oleh pembaca awam. Aishah et al. (2023) menambah bahawa simbol-simbol ini menjadi wahana penting bagi memperkenalkan konsep-konsep kerohanian yang abstrak dan kompleks kepada para pembaca.

Oleh itu, kerangka *maqāmāt* Sufi yang digunakan dalam kajian ini dibina berdasarkan tujuh *‘aqabāt* Imam al-Ghazali. Ia dapat membentuk kerangka perjalanan rohani dalam tradisi Sufi, dan juga menemui pemaknaannya melalui simbolisme dan metafora yang kreatif dan pelbagai. Puisi menjadi ruang bagi penyair merefleksikan pergolakan jiwa, proses penyucian diri, dan keinginan untuk berdamping dengan Yang Maha Esa, sejajar dengan prinsip-prinsip yang digariskan oleh al-Ghazali. Gabungan antara tasawuf dengan sastera ini membuktikan bahawa perjalanan rohani adalah relevan dalam pelbagai bentuk ekspresi, baik dalam teks puisi klasik mahupun karya kontemporari.

Struktur *maqāmāt* Sufi berdasarkan kategori penghayatan, penilaian dan pencapaian

Sastera Sufi merupakan warisan kerohanian Islam yang paling mendalam dan kompleks, terutamanya apabila menyentuh persoalan *maqāmāt* yang dilalui oleh seorang *salik* (pengembara kerohanian). Dalam tradisi Sufi, *maqāmāt* bukan sekadar simbol atau teori, tetapi merupakan landasan praktikal dan falsafah dalam mendekati diri kepada Allah s.w.t..

Mengikut Mas’ud Qasim (2023), *maqāmāt* merupakan pangkalan asas dalam manifestasi Sufi dan perjalanannya, manakala al-Tusi (1960) menekankan bahawa seorang hamba tidak akan mencapai hakikat tauhid dan kesucian rohani tanpa terlebih dahulu menyeberangi jambatan *maqāmāt* dan *ahwal*. Yaser (2023) menambah bahawa *maqāmāt* bukan hanya jalan spiritual untuk mengenal Allah s.w.t., tetapi juga berfungsi sebagai tangga kerohanian yang membantu *salik* mencapai fana’, iaitu satu keadaan pelepasan diri hamba ke dalam Zat keesaan Allah. Manakala Abdul Wahab Syakhrani et al. (2023) pula melihat bahawa *maqāmāt* adalah kedudukan seorang hamba di hadapan Allah s.w.t., yang diperolehi melalui proses ibadah, mujahadah dan lain-lain sebagai latihan spiritual, natijah daripada hubungan yang berterusan dengan Allah s.w.t..


Oleh itu, Ibnu Khaldun (1992) berpendapat bahawa *maqāmāt* ialah matlamat yang ingin dicapai demi kebahagiaan hakiki, seperti katanya: “hamba sentiasa melalui setiap *maqām* sehingga sampai ke *maqām* tauhid dan mengenal Allah yang merupakan matlamat yang dicari untuk kebahagiaan.” Maka, perjalanan melalui *maqāmāt* merupakan bentuk pembangunan spiritual secara bertahap. Kajian ini, mengkategorikan *maqāmāt* tersebut kepada tiga bahagian utama: penghayatan, penilaian, dan pencapaian. Setiap kategori mewakili aspek tertentu dalam pembangunan rohani dan difahami melalui unsur-unsurnya serta karya puisi Sufi sebagai sampel teks yang mempamerkan *maqāmāt* tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan sebagai dasar metodologi utama. Antologi puisi 'Ayn oleh Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) dipilih sebagai sampel utama kerana karyanya kaya dengan unsur-unsur Sufi dan simbolisme yang mendalam. Data dikumpulkan melalui pembacaan mendalam terhadap puisi-puisi yang berkaitan dengan tema-tema kerohanian, diikuti dengan identifikasi dan analisis simbol-simbol yang digunakan.

Untuk mengkategorikan *maqāmāt* Sufi, kajian ini merujuk kepada kerangka tujuh 'aqabāt Imam al-Ghazali, yang kemudiannya dibahagikan kepada tiga kategori utama: penghayatan (*maqām ma'rifah* dan taubat), penilaian (*maqām zuhud* dan syukur), dan pencapaian (*maqām Mahabbah* dan *fana'*). Setiap *maqām* dianalisis berdasarkan unsur-unsur simbolik yang digunakan dalam puisi, seperti gambaran alam, perasaan batin, dan pengalaman spiritual. Analisis dilakukan secara tematik, dengan setiap puisi dinilai berdasarkan makna simbolik dan hubungannya dengan konsep *maqāmāt* yang ditetapkan.

Analisis data dijalankan melalui dua langkah utama. Pertama: mengenal pasti dan mengkategorikan simbol-simbol yang digunakan dalam puisi. Kedua: menginterpretasi makna simbol yang tersirat berdasarkan *maqāmāt* yang diutarakan oleh Imam al-Ghazali untuk mendapatkan makna Sufi yang hendak disampaikan oleh penyair. *Maqāmāt* yang diubahsuai daripada Imam al-Ghazali adalah seperti berikut:



Gambarajah 1: *Maqāmāt* Sufi yang diubahsuai daripada Imam al-Ghazali (2006)

DAPATAN KAJIAN

Kategori pertama: Penghayatan

Penghayatan merujuk kepada proses mengalami, memahami, dan mengamalkan ajaran tasawuf secara mendalam dalam kehidupan seharian. Dalam konteks ini, dua *maqām* utama dikenal pasti iaitu *maqām Ma'rifah* dan *maqām Taubat*. Imam al-Ghazali

(2006) meletakkan *'aqabah* ilmu sebagai tangga pertama dalam perjalanan Sufi, dan *maqām* ini dicirikan dengan unsur seperti ilmu pengetahuan, petunjuk (hidayah), dan nasihat.

Maqām kedua dalam kategori penghayatan ialah taubat, yang merupakan pintu pertama dalam transformasi spiritual. Al-Tusi (1960) menekankan bahawa *maqām* taubat adalah permulaan mutlak bagi setiap *salik* kerana ia menandakan keinsafan dan kesedaran akan dosa. Menurut Imam al-Ghazali (2006), "Taubat daripada dosa adalah kembali menutup keaiban yang merupakan kunci kejayaan kepada hamba." Ibnu Ajibah (2019) menyentuh tentang unsur-unsur taubat iaitu antaranya adalah penyesalan, bimbang, dan rintihan yang menggambarkan proses dalaman seseorang hamba dalam meninggalkan kejahatan dan kembali kepada fitrah ketuhanan.

Dalam sastra Sufi, penghayatan ini sering diekspresikan melalui metafora perjalanan, cahaya dan kegelapan, serta perasaan kekosongan sebelum disinari oleh cahaya *ma'rifah*.

1.1: Contoh *Maqām Ma'rifah* dalam antologi puisi 'Ayn, karya Kemala

Dalam antologi 'Ayn, penyair menterjemahkan *maqām ma'rifah* ini secara puitis dan simbolik, menggambarkan kedalaman rohani melalui refleksi terhadap penciptaan, kehidupan, dan pengakhiran. Ini sepertimana ungkapan "*Berkata kepada angin... ingin ku menjadi camar putih...*" (Kemala, 'Ayn, hal. 11). Penyair menggambarkan makna suara hati atau bisikan dengan menggunakan simbol angin. Menurut Aishah et. al (2024a), angin dalam puisi Sufi bukan sekadar fenomena alam, tetapi merupakan simbolik untuk menggambarkan proses pencarian rohani, dialog dengan alam dan diri, serta pengenalan kepada hakikat Ilahi melalui kesatuan anasir alam dan diri manusia. Manakala simbol camar putih pula melambangkan keinginan untuk kesucian, kebebasan, dan kepuasan rohani yang mendalam. Penyair menggunakan ungkapan "*pagutannya asyik sekali*" untuk menunjukkan makna kenikmatan dalam mengecapi nikmat kurniaan Ilahi. Ini bertepatan dengan kajian Mesbahul Hoque et al. (2021), bahawa *maqām ma'rifah* adalah hasil daripada hati yang bersih dan mujahadah yang berterusan.

Penyair juga menggunakan simbol taman yang bermakna hati insan, seperti frasa "*Taman hewani...Taman diri...*" (Kemala, 'Ayn, 31). Hakikatnya hati secara fitrah adalah indah kerana ia adalah sanubari yang suci. Namun, penyair menggambarkan taman dengan sifat haiwan justeru ia berbolak balik. Dalam sekelip mata, ia boleh berubah. Menurut Aishah et. al (2024a), simbol taman adalah simbolik bagi hati yang merindui Penciptanya, namun oleh kerana noda, "taman" ini berubah menjadi gersang dan kering kontang. Oleh itu, taman diri adalah ruang batin yang perlu dipelihara dan dijaga agar selamat seluruh anggota badannya daripada noda. Seperti mana Isabela et. al (2025) menjelaskan dalam kajiannya bahawa ahli Sufi memandang hati yang suci (*qalb salim*) sebagai medium utama untuk mencapai *ma'rifah*. Ini adalah kerana cahaya *ma'rifatullah* akan muncul di dalamnya sehingga tiada yang diingati kecuali Dia Yang Esa.

Petikan puisi ini bertepatan dengan pendapat Imam al-Ghazali (2006) tentang peri pentingnya seorang hamba itu bermujahadah menggali ilmu yang benar dan mengamalkannya dengan betul. Ini adalah kerana, dengan ilmu tersebut, seorang *salik*

itu akan dapat mengenali "taman hatinya", seterusnya dapat mengenali Penciptanya Yang Maha Agung, serta menjauhi sifat haiwani.

1.2: Contoh *Maqām* Taubat dalam antologi puisi 'Ayn, karya Kemala

Maqām taubat merupakan *maqām* awal dalam perjalanan seorang *salik*. Ia menunjukkan kesucian daripada dosa dan melibatkan kesedaran daripada melakukannya, penyesalan, dan tekad untuk tidak mengulangnya. Kemala (2014) merakamkan kesedaran ini dalam frasa "Adakah anak yang belum mengenal dirinya, sampai lari kejujuran dari peribadinya?..." (Kemala, 'Ayn, hal. 49). Menurut Mas'ud Qasem (2023), kesedaran terhadap dosa adalah permulaan kepada *taubat*, iaitu pengakuan dan penyesalan atas perbuatan lampau, di mana *taubat* ini merupakan syarat penting untuk berdamping dengan Allah s.w.t.

Kemala menggunakan simbol "anak" sebagai jiwa yang masih mentah atau lalai, yang belum mencapai tahap *ma'rifah* (mengenal Allah s.w.t.) dan masih terjerumus dalam kesilapan akibat kurangnya kesedaran diri. Oleh itu, Imam al-Ghazali(2006) telah menggariskan betapa pentingnya kesedaran diri sebagai langkah awal menuju penyucian.

Seterusnya, Kemala juga menukilkan elemen *maqām* taubat seperti dalam ungkapan "di Taman abai ini direnjisi gerigis kekasih..." (Kemala, 'Ayn, hal. 31). Penyair menggambarkan penyerahan diri dan permohonan kepada Allah s.w.t. Ia merupakan ciri penting dalam proses *taubat* dan mendekatkan diri kepada-Nya. Dalam masa yang sama, frasa "di Taman abai ini" menyampaikan makna keadaan jiwa atau diri yang telah terabai atau berdosa yang memerlukan pembersihan dan pemulihan. Tindakan "direnjisi gerigis kekasih" melambangkan pemberian rahmat atau pengampunan Ilahi yang membersihkan jiwa yang telah "terabai" tersebut. Proses ini menunjukkan penyucian jiwa yang menjadi matlamat *maqām* taubat.

Taman abai" secara simbolik merujuk kepada keadaan jiwa atau hati yang telah diabaikan, kotor, atau dipenuhi dosa. Ia adalah metafora untuk keadaan kerohanian yang memerlukan perhatian dan pemulihan. Ungkapan "gerigis kekasih" boleh disimbolkan sebagai titisan rahmat, keampunan, atau petunjuk Ilahi. "Kekasih" di sini merujuk kepada Allah s.w.t. Proses "direnjisi" menunjukkan tindakan pembersihan dan penyucian yang datang daripada Tuhan, yang merupakan inti dari *maqām* taubat iaitu pengampunan dosa dan pemulihan spiritual.

Kategori Kedua: Penilaian

Kategori penilaian dalam *maqāmāt* Sufi merujuk kepada keupayaan *salik* untuk menilai, menimbang dan menafsir perbuatan, pengalaman, serta makna-makna batin berdasarkan prinsip-prinsip kerohanian. Dua *maqām* utama dalam kategori ini ialah Zuhud dan Syukur.

Zuhud menurut al-Tusi (1960), merupakan *maqām* yang paling mulia kerana menandakan kelepasan diri daripada kecintaan terhadap dunia, sebagai asas untuk mencapai reda Ilahi. Menurut pandangan al-Ghazali, zuhud digolongkan dalam 'aqabah al-'awa'iq iaitu halangan-halangan kerohanian yang mesti diatasi oleh *salik*. Dila Fadhilah et al. (2025) mendapati elemen zuhud termasuklah sikap tidak terikat

kepada dunia, tidak bergantung kepada makhluk, serta tidak tamak terhadap harta dan kesenangan sementara. Ia adalah manifestasi yang jelas untuk mengutamakan Allah atas segala sesuatu yang bersifat duniawi.

2.1: Contoh *Maqām Zuhud* dalam antologi puisi 'Ayn, karya Kemala

Menurut disiplin tasawuf, *maqām Zuhud* dan Syukur merupakan peringkat penting yang mencerminkan penolakan terhadap dunia dan penerimaan terhadap takdir Ilahi. Puisi-puisi Kemala dalam 'Ayn memperlihatkan dimensi kerohanian ini dengan menggunakan simbol dan bahasa kiasan yang mendalam seperti dalam ungkapan "*Riak, ujub, takbur bukan pakaianku, Dalam pengembaraan yang tak mudah ini...*" (Kemala, 'Ayn, hal. 209). Ungkapan penyair melambangkan penolakan terhadap sifat-sifat negatif duniawi dan ego. "*Pakaianku*" adalah kiasan untuk identiti atau sifat peribadi. Imam al-Ghazali (2022 & 2006) membahaskan bahawa *riyā'* ini sifat ingin dilihat orang supaya mendapat kedudukan dan mencari kedudukan di sisi orang samada dalam beribadah atau selainnya, manakala '*ujub* merupakan sifat mengagungkan diri, atau menganggap agung amal yang dilakukan. Kemudian beliau melihat takbur pula sifat tinggi diri, suka menganggap diri sendiri lebih mulia, lebih pandai, lebih cerdik dan sebagainya daripada orang lain. Dalam ungkapan "*bukan pakaianku*", penyair menyampaikan makna zuhud yang mendalam iaitu menjauhi kesombongan diri dan keinginan untuk pengiktirafan duniawi. Ini adalah inti kepada *zuhud*, iaitu meninggalkan hal-hal yang tidak kekal dan tidak bermanfaat dalam perjalanan rohani.

Seterusnya, penyair menyambung dengan frasa "*Dalam pengembaraan yang tak mudah ini*" bagi melambangkan perjalanan rohani (*salik*) yang penuh dengan cabaran dan ujian. *Maqāmāt* Sufi itu sendiri merupakan landasan praktikal dan falsafah dalam mendekati diri kepada Allah, dan seorang *salik* (pengembara kerohanian) perlu melaluinya secara bertahap. Kesukaran "pengembaraan" ini menekankan bahawa *zuhud* bukanlah jalan yang mudah, tetapi memerlukan kesungguhan dan ketahanan dalam menolak godaan dunia.

2.2: Contoh *Maqām Syukur* dalam antologi puisi 'Ayn, karya Kemala

Syukur dalam tasawuf bukan hanya ungkapan lisan tetapi manifestasi iman melalui perkataan, perbuatan, kesabaran, dan penerimaan terhadap segala takdir Allah. Penyair memmanifestasikan makna syukur melalui ungkapan "*Pagi cukup bersih, temaram menyepuh hati, kalbuku jernih, Tenteram menyentuh, Nama-Mu...*" (Kemala, 'Ayn, hal. 71). Penyair menggunakan frasa "*Pagi cukup bersih*" bagi menyampaikan makna permulaan yang baru, ketenangan, dan kurniaan rahmat Ilahi yang berterusan. Dalam masa yang sama, ia boleh menjadi simbol bagi kesyukuran atas nikmat kehidupan, hari yang baru, dan kebersihan jiwa yang membolehkan hati menerima cahaya Ilahi. Oleh itu, frasa ini mencerminkan penerimaan terhadap setiap permulaan yang diberikan oleh Tuhan, yang menjadi asas kepada perasaan syukur.

Manakala ungkapan "*Kalbuku jernih*" pula menggambarkan keadaan hati yang damai, suci, dan penuh penyerahan diri kepada Allah s.w.t. Hati yang telah "disepuh" dan menjadi "jernih" adalah hati yang bersedia untuk menerima dan menghayati kebesaran Ilahi, yang merupakan manifestasi iman dan kesabaran dalam perjalanan

rohani. Bertitik tolak dari itu, hati hamba akan menjadi "*Tenteram menyentuh Nama-Mu*" yang merupakan kemuncak penghayatan syukur sehingga mencapai ketenangan batin yang mendalam serta hubungan rapat dengan Allah s.w.t. "*Menyentuh Nama-Mu*" di sini bukan hanya zikir lisan, tetapi merujuk kepada pengalaman kerohanian di mana hati dan jiwa merasakan kehadiran dan keesaan Allah secara langsung, seperti yang dinyatakan dalam definisi syukur sebagai manifestasi iman melalui perkataan, perbuatan, kesabaran, dan penerimaan.

Seterusnya, penyair juga mengungkapkan frasa "Laut dengan keindahan dan rahsia wujudnya. Riak, ombak dan gelombang, menemani pelaut yakin, di subuh jernih, di malam kelam, kapal layar berlayar lancar, hanya titik kecil di tengah samudera, taufan memukul ganas, tawakal, berserah selepas ikhtiar dan usaha, Mahasuci Kau Tuhan!" (Kemala, 'Ayn, hal. 227). Puisi ini menggunakan laut sebagai simbol utama keindahan dan rahsia kewujudan Allah SWT s.w.t. Melalui pemerhatian "riak, ombak dan gelombang," serta "puputlembut angin" dan "taufan memukul ganas," penyair menggambarkan pelbagai manifestasi kekuasaan dan keagungan Ilahi dalam alam semesta. Keadaan laut yang sentiasa berubah, dari "subuh jernih" hingga "malam kelam," menunjukkan kekuasaan Allah s.w.t. yang meliputi setiap waktu dan keadaan, baik suka mahupun duka.

Tambahan pula, simbol pelaut dan pelayaran seperti "*Pelaut yakin*" melambangkan *salik* yang sedang mengembara mencari Tuhan. Pelayaran di tengah samudera luas, di mana "*kapalayar berlayar lancar hanya titik kecil di tengah samudera,*" melambangkan kerendahan diri dan kebergantungan manusia yang kerdil di hadapan kebesaran Allah s.w.t.

Di samping itu, penyair menggunakan ungkapan "*tawakal, berserah selepas ikhtiar dan usaha*" bagi menunjukkan bahawa syukur sejati tidak hanya pada pengakuan nikmat, tetapi juga pada penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t. setelah melakukan usaha, suatu bentuk keyakinan dan kebergantungan yang mendalam.

Penyair mengakhiri puisinya dengan ungkapan "*Mahasuci Kau Tuhanku*" yang merupakan ekspresi langsung dan tertinggi dari syukur, pujian, dan pengakuan atas keesaan dan kesucian Allah s.w.t. Ini adalah kemuncak penghayatan seorang *salik* yang telah melalui pelbagai cabaran dan mencapai pencerahan rohani melalui renungan alam.

Kategori Ketiga: Pencapaian

Kategori ketiga dalam *maqāmāt* ialah pencapaian, yang bermaksud tahap kerohanian tertinggi. Ia dapat dicapai melalui penghayatan dan penilaian yang berterusan. Dalam kategori ini terdapat dua *maqām* iaitu Mahabbah (cinta Ilahi) dan *Fana'* (peleburan diri hamba ke dalam Zat keesaan Allah s.w.t.).

Menurut Mas'ud Qasem (2023), mahabbah adalah *maqām* cinta yang mendalam terhadap Allah, yang dapat dikenal pasti melalui unsur seperti *rajā'*, *khauf* dan *shauq*. Mengikut Ibnu 'Ajibah (2019), *rajā'* adalah sifat berharap kepada Rahmat dan kasih sayang Allah serta takut kepada azab-Nya, *khauf* pula sifat kegelisahan dan ketakutan kepada azab Allah serta hilang pahala, kemudian *shauq* merupakan sifat kerinduan ingin bertemu Kekasih. Dalam *maqām* ini, cinta bukan hanya emosi, tetapi satu bentuk penyembahan yang sepenuhnya dengan ikhlas. Penyair Sufi seperti Ibn al-Farid dan

al-Rumi menekankan bahawa cinta terhadap Allah s.w.t. adalah bentuk pengabdian tertinggi, dan cinta inilah yang akan memandu *salik* untuk terus berjalan walau dalam keletihan dan ujian.

Fana' pula menurut Mas'ud Qasem (2023) merupakan puncak pencapaian kerohanian. Ia merujuk kepada peleburan diri hamba ke dalam zat Allah s.w.t. iaitu satu keadaan kehendak dan keinginan diri sudah hilang, diganti dengan kehendak Allah s.w.t. semata-mata. Antara ciri-ciri *fana'* adalah khusyuk, kemanisan ibadah, dan ketenangan batin.

3.1: Contoh *Maqām Mahabbah* dalam antologi puisi 'Ayn, karya Kemala

Maqām Mahabbah daripada pandangan Dila Fadhilah (2025) merupakan *maqām* yang mendasari segala bentuk ibadah dalam tasawuf. Ia adalah cinta suci kepada Allah s.w.t. yang lahir daripada pengenalan (*ma'rifah*) dan penghayatan terhadap keindahan-Nya, misalnya penyair berkata: "*Parasmu wahai Kekasih tercinta, di dada kutub, cucumbu sepuasku, bertemu selepas berpisah lama...kutatap kudekap, panas pijar, lembut denyar, kasih yang kutanam sekian lama, kini tumbuh di halaman.*" (Kemala, 'Ayn, hal. 115). Simbol "*Kekasih tercinta*" secara langsung merujuk kepada Allah s.w.t. sebagai Kekasih Sejati dan Hakiki bagi setiap insan. Kemudian, penyair juga menggunakan perkataan "*parasmu*" bagi menggambarkan makna keindahan dan kehadiran Ilahi. Dalam masa yang sama, ia juga menunjukkan kerinduan yang mendalam (*shauq*) untuk bersatu dengan Kekasih.

Tambahan pula, simbol "*dada kutub*" dalam ungkapan "*di dada kutub cucumbu sepuasku*" dan "*kutatap kudekap*" merujuk kepada pusat hati atau jiwa yang paling dalam, iaitu tempat persemayaman cinta. Ungkapan tersebut adalah metafora untuk menggambarkan penyatuan rohani yang intim dan mendalam dengan Kekasihnya Nan Satu.

Seterusnya, terdapat frasa "*bertemu selepas berpisah lama*" yang menggambarkan perjalanan rohani seorang *salik* yang mungkin telah melalui fasa perpisahan atau jarak dengan Tuhan akibat kekhilafan duniawi atau kealpaan. Kini telah mencapai titik pertembungan dan penyatuan kembali melalui cinta yang mendalam.

Di samping itu, simbol "*panas pijar lembut denyar*" dalam ungkapan "*panas pijar lembut denyar kasih yang kutanam sekian lama, kini tumbuh di halaman*" menggambarkan sifat cinta Ilahi yang kuat dan membakar semangat, namun dalam masa yang sama lembut dan menenangkan. Ini adalah kerana cinta Ilahi ini bukan sesuatu yang datang secara tiba-tiba, tetapi "ditumbuhkan" melalui usaha rohani yang berterusan. Oleh itu, frasa "*Tumbuh di halaman*" yang digunakan oleh penyair melambangkan cinta tersebut kini telah bersemi dan berbuah dalam hati atau jiwanya, menjadi nyata dan meluas dalam kehidupannya. Ini bertepatan dengan pengertian *Mahabbah* sebagai suatu bentuk penyembahan yang sepenuhnya dengan ikhlas (al-Ghazali, 2006).

Secara keseluruhannya, Kemala menggunakan simbol-simbol yang kaya dan pelbagai, daripada metafora fizikal seperti "paras" dan "dada kutub" untuk menggambarkan pengalaman *Mahabbah* yang multidimensi. Beliau berjaya menyampaikan elemen *Mahabbah* bukan sekadar sebagai emosi, tetapi sebagai pengenalan mendalam, penyatuan intim, dan penghayatan menyeluruh terhadap keindahan dan kewujudan Ilahi.

3.2: Contoh *Maqām Fana'* dalam antologi puisi 'Ayn, karya Kemala

Penyair membincangkan tema fana' melalui ungkapan "Kusambut godaan-Mu, bercinta dalam mabuk laku. Apakah Kau seperti Musa di Lembah Thuwa'? Tertiarap Rindu. Berdegup kalbu... Apakah Kau bagai Ibrahim, yakin api itu dingin. Dan Kebesaran Cinta meminta korban leher Ismail..." (Kemala, 'Ayn, hal. 151). Penyair mengemukakan ungkapan "mabuk laku" dan "mabuk di dalam zikir" melambangkan keadaan ekstasi atau mabuk kerohanian yang dialami oleh salik. Dalam konteks fana', "mabuk" ini merujuk kepada kehilangan kesedaran diri atau ego kerana terlalu tenggelam dalam cinta dan zikir kepada Allah s.w.t. Imam al-Ghazali (2006) meletakkan ciri-ciri fana' dengan kehendak diri sudah hilang, diganti dengan kehendak Ilahi semata-mata.

Tambahan pula, penyair juga mengetengahkan simbol tokoh terkenal seperti para Nabi, contohnya Nabi Musa di Lembah Thuwa' sebagai simbolik kepada pertemuan agung dengan kebesaran Ilahi yang menyebabkan hamba terpaku dan tunduk sepenuhnya. Kisah ini menggambarkan pengalaman spiritual yang luar biasa, di mana diri individu menjadi tidak berdaya di hadapan Kekasihnya.

Begitu juga simbol Nabi Ibrahim yang tidak terbakar oleh api menggambarkan keyakinan dan tawakal yang mutlak kepada Allah, melampaui hukum alam. Ini menunjukkan penghapusan ketakutan duniawi dan kebergantungan sepenuhnya kepada kehendak Ilahi.

Manakala kisah korban Nabi Ismail pula melambangkan penyerahan diri yang tertinggi, di mana segala keinginan dan kasih sayang duniawi dikorbankan demi cinta Allah s.w.t. Ini secara langsung menunjukkan kehilangan kehendak diri dan keinginan yang diganti dengan kehendak Allah s.w.t.

Secara keseluruhannya, puisi Kemala dalam 'Ayn ini menggunakan pelbagai simbol dari kisah-kisah kenabian dan pengalaman spiritual untuk menggambarkan *maqām fana'* yang dicirikan oleh peleburan diri, penyerahan mutlak, dan pengalaman cinta Ilahi yang mendalam. Kerangka *maqāmāt* Sufi yang diasaskan oleh Imam al-Ghazali sangat berkesan dalam menilai dan mengkategorikan puisi Sufi ini, kerana ia bukan sahaja memenuhi fungsi estetika tetapi juga menjadi medium untuk penghayatan dan penyebaran mesej kerohanian yang mendalam.

PERBINCANGAN

Kategori Penghayatan: *Maqām Ma'rifah* dan *Maqām Taubat* dalam 'Ayn karya Kemala

Penghayatan dalam tradisi tasawuf merujuk kepada proses mendalami, mengalami, dan mengamalkan ajaran kerohanian secara berterusan sehingga membentuk transformasi hidup seorang salik. Menurut al-Ghazali (2006), tangga awal perjalanan ini ialah 'aqabah ilmu, yang membekalkan petunjuk (hidayah) dan membentuk kesedaran rohani. Dua *maqām* utama yang memanifestasikan penghayatan ini ialah *maqām ma'rifah* dan *maqām taubat*, sebagaimana ditegaskan oleh al-Tusi (1960) bahawa taubat adalah permulaan mutlak, manakala *ma'rifah* merupakan tujuan tertinggi seorang salik.

Oleh itu, Kemala dalam antologi *'Ayn* memmanifestasikan *maqām ma'rifah* melalui simbol angin, dan taman. Contohnya seperti dalam frasa "*Berkata kepada angin, duka ini dari mana?*" (hal. 11), angin menjadi lambang bisikan rohani yang membawa kepada kesedaran tentang hakikat Ilahi. Menurut Aishah et al. (2024), angin bukan sekadar fenomena alam, tetapi simbol dialog antara manusia dengan dirinya dan Tuhannya. Simbol camar putih pula menandakan aspirasi kesucian dan kebebasan spiritual. Hal ini seiring dengan pandangan Mesbahul Hoque et al. (2021) bahawa *ma'rifah* ialah aliran hati yang jernih hasil mujahadah berterusan.

Seterusnya, dalam *maqām* taubat, Kemala menggunakan simbol anak sebagai lambang jiwa yang lalai serta belum matang dari sudut rohani. Beliau mengungkapkan dalam frasa "*Adakah anak yang belum mengenal dirinya, sampai lari kejujuran dari peribadinya?*" (hal. 49) untuk mencerminkan kesedaran terhadap dosa. Manakala simbol kuntuman cinta (rujuk petikan puisi sebelum ini) pula menggambarkan rahmat Allah s.w.t. yang meliputi jiwa setelah bertaubat.

Sementara itu, ungkapan "*di Taman abai ini direnjisi gerigis kekasih*" (hal. 31) merujuk kepada jiwa yang terabai lalu dibersihkan oleh titisan rahmat Ilahi. "*Taman abai*" menjadi metafora hati yang kotor, manakala "*gerigis kekasih*" melambangkan keampunan Tuhan.

Keseluruhannya, Kemala berjaya mengangkat *maqām Ma'rifah* dan taubat sebagai lambang penghayatan rohani seorang *salik*. Simbol alam yang digunakan memperkaya makna puisi dengan dimensi Sufi yang mendalam, sekali gus menjadikan karya ini sebagai medium refleksi rohani yang menuntun pembaca ke arah pencerahan spiritual.

Jadual 1: Manifestasi *Maqām Ma'rifah* dan Taubat dalam Antologi *'Ayn* karya Kemala

Simbol	<i>Maqām</i>	Makna Sufi	Kaitannya dengan Penghayatan
Angin	Ma'rifah	Suara hati, bisikan rohani, tanda pencarian Ilahi	Menjadi dialog antara manusia dengan diri dan Pencipta, membuka kesedaran terhadap hakikat hidup.
Camar putih	Ma'rifah	Kesucian, kebebasan rohani, aspirasi jiwa	Melambangkan keinginan salik untuk keluar dari kotoran dunia menuju kebersihan rohani.
Taman	Ma'rifah	Hati insan yang berbolak-balik, boleh suci atau gersang	Hati yang memerlukan penjagaan rohani agar tidak berubah menjadi kering akibat dosa.
Anak	Taubat	Jiwa yang lalai, masih mentah, kurang kesedaran <i>ma'rifah</i>	Menjadi lambang awal kesedaran diri terhadap kesalahan, pintu kepada taubat.
Taman abai	Taubat	Hati yang terabai, kotor oleh dosa	Gambaran keadaan jiwa yang memerlukan penyucian dan pemulihan rohani.

Simbol	Maqām	Makna Sufi	Kaitannya dengan Penghayatan
Gerigis kekasih	Taubat	Titisan rahmat dan keampunan Ilahi	Proses pembersihan jiwa oleh Allah, lambang pengampunan dalam maqām taubat

Kategori Penilaian: *Maqām Zuhud* dan *Maqām Syukur* dalam 'Ayn karya Kemala

Dalam kerangka *maqāmāt* Sufi, kategori penilaian menekankan keupayaan seorang *salik* untuk menimbang, menilai, dan menafsir perbuatan serta pengalaman hidup berdasarkan prinsip kerohanian. Dua *maqām* utama dalam kategori ini ialah Zuhud dan Syukur.

Menurut al-Tusi (1960), zuhud merupakan *maqām* yang mulia kerana ia menandakan pelepasan diri daripada keterikatan duniawi, sedangkan al-Ghazali menempatkan zuhud dalam 'aqabah al-'awa'iq, iaitu halangan rohani yang mesti diatasi demi mencapai reda Ilahi. Zuhud menuntut seorang salik menolak sifat tamak, riak, dan keterikatan pada dunia, sekali gus mengutamakan Allah dalam segala perkara.

Kajian ini mendapati bahawa Kemala mengangkat *maqām* Zuhud dalam 'Ayn dengan gaya bahasa simbolik, misalnya melalui frasa "Riak, ujub, takbur bukan pakaianku" (hal. 209). Simbol "pakaian" di sini melambangkan identiti dan sifat peribadi. Dengan menolak sifat riak, ujub, dan takbur sebagai "pakaian," penyair menegaskan sikap zuhud, iaitu membebaskan diri daripada ego dan pencarian pengiktirafan dunia.

Sementara itu, ungkapan "Dalam pengembaraan yang tak mudah ini" (hal. 209) menggambarkan perjalanan kerohanian seorang *salik* yang penuh cabaran. Simbol "pengembaraan" membawa makna perjalanan spiritual yang memerlukan kesungguhan dan ketabahan, justeru menekankan zuhud sebagai proses mujahadah menolak godaan dunia yang sementara.

Di samping itu, *maqām* syukur pula menuntut penerimaan takdir Allah s.w.t. dengan hati yang reda dan penuh penghargaan. Contohnya dalam ungkapan "Pagi cukup bersih, kalbuku jernih, tenteram menyentuh Nama-Mu" (hal. 71), Kemala menggunakan simbol pagi sebagai lambang permulaan baru, kurniaan nikmat hidup dan rahmat Ilahi. Simbol hati jernih menggambarkan keadaan batin yang damai, suci, dan siap menerima cahaya Ilahi, manakala frasa "menyentuh Nama-Mu" menandakan pengalaman rohani yang mendalam, dengan syukur tidak sekadar lisan, tetapi perasaan iman yang menyeluruh.

Secara keseluruhannya, penggunaan simbol seperti pakaian, pengembaraan memperlihatkan bagaimana Kemala menterjemahkan *maqām* Zuhud dan Syukur secara puitis. Simbol-simbol ini membuka ruang renungan mendalam, menjadikan puisi bukan sekadar karya estetik tetapi wahana pendidikan rohani bagi memahami *maqāmāt* Sufi secara lebih bermakna.

Jadual 2: Manifestasi *Maqām Zuhud* dan *Syukur* dalam Antologi 'Ayn karya Kemala

Simbol	<i>Maqām</i>	Makna Sufi	Kaitannya dengan Penilaian
Pakaian	Zuhud	Identiti atau sifat peribadi; menolak riak, ujub, takbur	Melambangkan kelepaan diri daripada sifat duniawi yang negatif
Pengembaraan	Zuhud	Jalan kerohanian yang panjang, penuh cabaran dan ujian	Menegaskan zuhud sebagai proses mujahadah dan perjalanan spiritual yang sukar
Pagi bersih	Syukur	Permulaan baru, nikmat kehidupan, rahmat Ilahi yang segar	Menjadi simbol kesyukuran atas nikmat hidup dan peluang rohani yang berterusan
kalbu jernih	Syukur	Jiwa yang suci, tenteram, dan reda menerima cahaya Ilahi	Melambangkan kesyukuran rohani yang membawa ketenangan batin
Nama- Mu	Syukur	Zikir dan kesedaran batin terhadap keesaan Allah	Simbol puncak syukur sebagai pengalaman rohani, bukan sekadar lafaz lisan
Laut	Syukur	Keagungan, keindahan, dan rahsia kewujudan Allah	Melambangkan keluasan rahmat Ilahi yang menuntut kesyukuran dan ketundukan hamba.
Pelaut/kapal	Syukur	Salik yang mengembara mencari Tuhan, kerdil di tengah samudera luas	Simbol kerendahan diri dan penggantungan total kepada Allah
Taufan & angin	Syukur	Ujian kehidupan (suka dan duka)	Syukur menuntut penerimaan dan tawakal selepas usaha dalam menghadapi pelbagai keadaan

Kategori Pencapaian: *Maqām Mahabbah* dan *Maqām Fana'* dalam 'Ayn karya Kemala

Kategori pencapaian dalam *maqāmāt* Sufi merujuk kepada tahap kerohanian tertinggi yang dicapai setelah *salik* melalui penghayatan dan penilaian yang berterusan. Dua *maqām* utama yang digariskan ialah *Mahabbah* dan *Fana'*.

Menurut al-Ghazali (2006), *Mahabbah* ialah asas ibadah yang lahir daripada pengenalan mendalam terhadap Allah s.w.t., manakala *fana'* ialah keadaan di mana segala kehendak diri terhapus, diganti sepenuhnya dengan kehendak Ilahi.

Dalam antologi 'Ayn, kajian ini mendapati bahawa Kemala mengemukakan *maqām* Mahabbah melalui simbol kekasih, paras, dada kutub. Contohnya seperti dalam ungkapan "*Parasmu wahai Kekasih tercinta... Kekasih pertama*" (hal. 115), penyair menggunakan simbol "Kekasih" yang merujuk kepada Allah s.w.t., manakala "paras" menggambarkan keindahan dan kehadiran Ilahi. Simbol "dada kutub" menandakan pusat hati, tempat bersemayam cinta yang tulus, manakala frasa "*bertemu selepas*

berpisah lama” melambangkan kerinduan (*shauq*) dan perjalanan rohani seorang *salik* kembali kepada Tuhannya.

Dalam bait yang lain, penyair juga ada menyampaikan elemen *maqām fana’* melalui kepelbagaian simbol seperti mabuk dan kisah kenabian. Misalnya dalam ungkapan “*Kusambut godaan-Mu, bercinta dalam mabuk laku... mabuk di dalam zikir*” (hal. 151), simbol “mabuk” menandakan ekstasi rohani, iaitu kehilangan ego dalam cinta Ilahi. Simbol Nabi Musa di Lembah Thuwa’ menggambarkan tunduk kepada kebesaran Allah s.w.t., Nabi Ibrahim yang yakin api dingin melambangkan tawakal mutlak, dan korban Nabi Ismail menandakan penyerahan total.

Keseluruhannya, puisi-puisi Kemala berjaya memperlihatkan pencapaian rohani melalui simbol cinta, mabuk zikir, dan kisah kenabian. Simbol-simbol ini bukan sahaja memperkayakan estetika puisinya, malah menjadikan karya ini wahana pendidikan kerohanian yang mendalam, selaras dengan kerangka *maqāmāt* Sufi klasik.

Jadual 3: Manifestasi *Maqām Mahabbah* dan *Fana’* dalam Antologi ‘*Ayn karya Kemala*

Simbol	Maqām	Makna Sufi	Kaitannya dengan Pencapaian
Paras	Mahabbah	Allah SWT sebagai Kekasih Hakiki, tujuan cinta rohani	Melambangkan cinta Ilahi sebagai puncak kerinduan dan pengabdian
Kekasih	Mahabbah	Keindahan, kehadiran, dan cahaya Ilahi	Simbol kerinduan (<i>shauq</i>) terhadap Allah dan penghayatan keindahan-Nya
Dada	Mahabbah	Pusat hati/jiwa yang mendalam	Menjadi tempat bersemayam cinta Ilahi, lambang penyatuan intim rohani
Mabuk	Fana’	Kehilangan ego dan kesedaran diri dalam ekstasi rohani	Melambangkan peleburan diri salik dalam cinta dan zikrullah
Musa	Fana’	Simbol tunduk penuh kepada kebesaran Allah	Menunjukkan keadaan fana’ iaitu hamba hilang daya di hadapan Tuhannya
Ibrahim	Fana’	Tawakal mutlak, keyakinan melampaui hukum alam	Hilangnya ketakutan duniawi, tanda bergantung hanya kepada Allah
Ismail	Fana’	Penyerahan total, mengorbankan cinta dan keinginan duniawi	Simbol hilangnya kehendak diri, diganti dengan kehendak Ilahi

KESIMPULAN

Analisis terhadap tiga kategori *maqāmāt* Sufi iaitu penghayatan, penilaian, dan pencapaian memperlihatkan kesinambungan kerohanian seorang salik yang digarap dengan cermat dalam antologi ‘*Ayn karya Kemala*. Melalui pendekatan simbolik,

penyair berjaya menterjemahkan pengalaman tasawuf yang kompleks ke dalam bahasa puitis yang indah dan sarat dengan makna.

Kategori penghayatan merangkumi *maqām Ma'rifah* dan taubat. Dalam *maqām Ma'rifah*, simbol seperti *angin* dan *taman* menandakan pencarian hakikat Ilahi serta kesedaran rohani. Simbol *anak*, *taman abai*, dan *gerigis kekasih* pula memperlihatkan kesedaran terhadap dosa dan penyerahan kepada rahmat Allah s.w.t., yang menjadi asas *maqām* taubat. Kedua-dua *maqām* ini menekankan kesedaran awal dan mujahadah hati sebagai langkah pertama mendekati Tuhan.

Seterusnya, kategori penilaian yang menampilkan *maqām* Zuhud dan Syukur. Penyair menggunakan simbol *pakaian* sebagai menolak sifat riak, ujub, dan takbur dari menyelimuti dirinya, manakala *pengembaraan* menggambarkan cabaran spiritual seorang *salik*. Penggunaan pagi bersih sebagai simbol kesyukuran atas nikmat hidup dan peluang rohani yang berterusan serta laut melambangkan keluasan rahmat Ilahi yang menuntut kesyukuran dan ketundukan hamba. Elemen ini memperlihatkan keseimbangan antara penolakan duniawi dan penerimaan rahmat Ilahi, yang menjadi asas kepada penilaian diri seorang hamba.

Kategori terakhir merupakan kategori pencapaian yang memanifestasikan *maqām* tertinggi iaitu *Mahabbah* dan *Fana'*. Simbol kekasih, paras dan dada menggambarkan cinta Ilahi yang menyatukan akal, rasa, dan pengalaman rohani. Sementara itu, simbol mabuk dan kisah kenabian (Musa, Ibrahim, Ismail) menegaskan puncak pencapaian rohani yang hanya dicapai setelah melalui *maqām* penghayatan dan penilaian di mana natijahnya akan membawa kepada kebahagiaan dan ketenangan yang hakiki.

Secara keseluruhan, karya '*Ayn* oleh Kemala membuktikan bahawa puisi Sufi merupakan ekspresi estetika dan berfungsi sebagai medium pendidikan kerohanian. Simbol-simbol yang kaya memberi ruang untuk pembaca menghayati perjalanan spiritual secara mendalam, sekaligus menghubungkan kerangka *maqāmāt* Sufi yang digariskan oleh Imam al-Ghazali dengan pengalaman sastera kontemporari. Dengan demikian, ketiga-tiga kategori *maqāmāt* ini membentuk kerangka menyeluruh bagi memahami tasawuf sebagai proses berperingkat yang bermula dengan kesedaran diri, diteruskan dengan penilaian akhlak, dan akhirnya mencapai puncak penyatuan dengan Ilahi.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, S., Nadia, N., Nurul, F. (2023). Konsep *Maqāmāt* dan *Ahwal*. *Mushaf Journal: Jurnal Ilmu Al Quran dan Hadis*. Vol. 3(1), 9-23.
- Ahmad, K., A. (Kemala). (2014). '*Ayn*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Aishah, I., Rosni, S. (2023). The Symbolisme of Malay Sufist Poet Ahmad Kamal Abdullah (Kemala). *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. Vol. 32. No. 2. 277-293.
- Aishah, I., Rosni, S. (2024c). Tema-tema Sufi Dalam Antologi Puisi "Di Malam Gelita Ini", Karya Suhaimi Haji Muhammad. *Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains* (pp.192-202). Nilai, Malaysia: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Aishah, I., Rosni, S., Mohamad Yazid, A., M., Mohd Adi Amzar, M., N. (2024b). Tema-Tema Sufi Dalam Antologi Puisi "Di Atas Perahu Cinta", Karya Hasan Baseri Budiman. *Proceeding of the International Conference on Languages and Communication* (pp.581-584). Terengganu, Malaysia: Faculty of Languages and Communication Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Aishah, I., Rosni, S., Wan Azura, W., A., Mohamad Yazid, A., M.(2024a). The Symbolisme of Nature in Modern Malay Sufist Poetry. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. Vol. 33. No. 5. 514- 534.
- Al-Banjari, Muhammad Nafis. (t.th.). *al-Durr an-Nafis*, Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah al-Ma'arif.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (terjemahan: Sharhan Syafie). (2022). *Ihya Ulum al-Din*. Selangor: Pustaka al-Ehsan.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2006). *Minhaj al-Abidiin*. Dar al-Minhaj. Jeddah: Saudi Arabia.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (t.th.). *Rawdah at-Talibin wa Umdah al-Salikin, (dalam Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali)*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Ahmad ibn Muhammad. (1988). *Sirr al-Asrar fi Kashf al-Anwar* (Eds.) Abd al-Hamid Salih Hamdan, Qahirah: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- Al-Jurjani, Ali ibn Muhammad. (1983). *at-Ta'rifat*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tusi, Abu Nasr al-Siraj. (1960). *al-Luma'*. Mesir: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- Ali, M., D.(2024). Al-Ma'rifi wa al-Shi'ri: Ansaq al-Maqāmāt wa al-Ahwal fi al-Shi'ri al-Irfani (Dirasah Muqaranah). *International Journal of Humanities and Social Sciences*. Volume 53, 34-50.
- Badrul Munir, C., (2021). Sufism in the poems of Ahmad Kamal Abdullah. *Malay Literature*, 34(1), 89–102.
- Dila, F., Mhd. Juniawan R., Maftuh, Aj., (2025). Studi Komparatif Maqāmāt Dan Ahwal Dalam Ilmu Tasawuf. *Jurnal Intelek Insan Cendikia*, Vol.2(4), 6663-6671.
- Dynta, N., Mahtristhasuf. (2021). *al-Maqāmāt al-Sūfīyyah li al-Jalāl al-Dīn al-Rūmī*. (Tesis Sarjana). Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim, Malang, Indonesia.
- Ibnu Ajibah. (2019). *Mi'raj al-Tasawuf ila al-Haqaiq al-Tasawuf*. (terjemahan: Sultan Mujahidin al-Azhari al-Syazili). Sulawesi: Pustaka Darul Hasanah.
- Ibnu Manzūr. (2016). *Lisān al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Isabela, N. Leli Kh., Maftuh, A., Siti Rihadatul, A., (2025). Konsep Ma'rifah Dalam Tasawuf: Jalan Menuju Makrifatullah. *Jurnal Intelek dan Cendekiawan Nusantara*, 2(2), 621-629.
- Mas'ud, Q. (2023). Al-Maqāmāt al-Sufiah fi Shi'ir Ahmad Ibn Mustafa al-'Alawi. *Muhawarat fi al-Adab wa al-Naqad*, 3(1), 2-9.
- Mesbahul,H., Muneer Ali, A., R., Yuslina, M., Amran, A., H. (2021). Sufism according to Imam Abu Hamid al-Ghazali. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 25 (1), 300-313. doi: 10.33102/abqari.vol24no2.344.
- Nazri, Y., Mohd Shabri, Y., Lutfi, M. (2023). Konsep Pemikiran Teosufistik Imam al-Ghazali. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 9(2), 90-108.

- Ni'am, S. (2020). The Debate of Orthodox Sufism and Philosophical Sufism: The Study of Maqāmāt in the Sirāj al-Ṭālibīn of Shaykh Iḥsān Jampes. *Al-Jamī'ah: Journal of Islamic Studies* 58(1), 1-34.
- Sayyidi al-Imam Ibnu 'Ajibah (terjemahan: Sultan Mujahidin al-Azhari). (2019). *Mi'raj al-Tasyawwuf Ila Haqaiq al-Tasawwuf*. Sulawesi: Pustaka Darul Hasani.
- Yaser al-Betanuni. (2023). Al-Maqāmāt wa al-Ahwal 'inda Abdul Rahman al-Lajjaai. *Al-Majallat li Kuliyyah al-Adab. Bil* (52), 240-287.